

CNS7847

J GB 07-12 00143 BB126

AAB

Tunku - Mahathir

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan pemergian Almarhum Tunku Abdul Rahman sebagai kehilangan yang besar kepada UMNO, bangsa dan negara.

+Almarhum Tunku telah memberi sumbangan yang tidak ternilai kepada negara,+ katanya dalam satu kenyataan pagi ini.

Beliau berkata Almarhum Tunku bukan sahaja telah memainkan peranan utama dalam membawa kemerdekaan negara tetapi juga telah berjaya menubuhkan Malaysia.

+Negara kehilangan seorang negarawan dan tokoh yang ulung. Kepada saya, kasih sayang dan hormat saya terhadap Almarhum Tunku tidak pernah luntur dan kehilangan Almarhum Tunku amat saya rasai,+ katanya.

Beliau berdoa semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh Almarhum Tunku.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyampaikan ucapan takziah bagi pihak kerajaan kepada balu Almarhum, Tun Sharifah Rodziah dan keluarganya. -- Lagi

07/12/10-37MST

CNS7848

J GB 07-12 00085 BB127

AAB

Tunku - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata semasa hayatnya, Almarhum juga banyak memberikan sumbangan dalam bidang-bidang lain seperti sukan dan kebajikan.

Setelah bersara daripada jawatan Perdana Menteri, Almarhum Tunku menjadi Setiausaha Agung pertama Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) di Jeddah dan menumpukan usaha ke arah kemajuan dan perpaduan ummah, katanya.

+Walaupun sudah bersara Almarhum Tunku terus memberikan sumbangan kepada kemajuan negara, terutama dalam bidang kebajikan dan perkembangan PERKIM,+ katanya. -- Bernama

07/12/10-37MST